



The Observer

24.09.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ **CMP3 mengalakkan sokongan dan aktivisme pelabur**

Pada 21 September, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah melancarkan Pelan Induk Pasaran Modal Ketiga (CMP3) yang akan berfungsi sebagai rangka kerja strategik bagi pertumbuhan pasaran modal Malaysia untuk tahun 2021 hingga 2025.

Ringkasnya, CMP3 mempertimbangkan trend mega antarabangsa yang akan membentuk pemulihan dan pertumbuhan ekonomi global dan Malaysia, di samping mendorong pasaran modal menuju tiga hasil keluaran yang diinginkan iaitu:

- Relevan kepada pembangunan ekonomi dan pihak berkepentingannya;
- Cepak dalam mobilisasi modal dan mencapai hasil kawal seliaan yang diinginkan; dan
- Berpelbagai dalam mewujudkan nilai untuk semua peserta.

Melihat hala tuju ini, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) ingin mengalu-alukan CMP3 kerana mengiktiraf aktivisme dan sokongan pelabur sebagai medium yang berkuasa yang dapat membentuk landskap akauntabiliti dalam pasaran modal.

Menggalakkan aktivisme dan sokongan pelabur

Disokong oleh akses kepada maklumat yang lebih mudah, CMP3 menyedari kemungkinan pelabur hari ini - dan lebih-lebih lagi pada masa hadapan - akan lebih dilengkapi dengan pengetahuan dan kesedaran bagi memastikan perniagaan dan peserta pasaran modal bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Dalam pasaran membangun, isu-isu alam sekitar dan sosial lebih diketengahkan dalam mesyuarat pemegang saham, terutama ketika dunia sedang bergelut dengan implikasi sistemik akibat pandemik.

“Aktivisme pelabur sejak beberapa tahun kebelakangan ini menjadi pemangkin kepada syarikat tenaga global untuk menyelaraskan strategi perniagaan mereka dengan matlamat Perjanjian Paris. Mereka juga menggesa bank global supaya

berusaha mengurangkan pembiayaan terhadap bahan bakar fosil dan memerangi perubahan iklim."

"Agenda yang berkaitan isu modal insan, termasuk peluang sama rata, kesihatan dan keselamatan di tempat kerja serta kepelbagaian, juga meraih momentum dalam mesyuarat pemegang saham," ujar SC dalam CMP3.

Kematangan dalam lanskap aktivisme pemegang saham dapat dilihat secara beransur-ansur dalam tempoh sepuluh tahun, disumbangkan sebahagian besarnya oleh pelancaran Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi (MCII) serta penubuhan Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC) pada tahun 2014 dan 2015.

Menurut CMP3, "Pelabur institusi dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) juga telah meningkatkan pengawasan dalam pelbagai isu - daripada tadbir urus korporat hinggalah kepada pampasan serta kesihatan dan keselamatan di tempat kerja,".

"Melangkah ke hadapan, IIC dijangka dapat meningkatkan MCII untuk memperkukuh pengawasan terhadap pelabur institusi, terutama yang berkaitan dengan kelestarian."

Penglibatan pelabur generasi milenium

Di samping itu, CMP3 turut menekankan perubahan cara pelabur runcit individu mengambil bahagian dalam mesyuarat pemegang saham dan menggunakan hak mereka. Pelaksanaan pelbagai perintah kawalan pergerakan (MCO) telah menyebabkan korporat Malaysia menyaksikan peralihan daripada mesyuarat fizikal kepada mesyuarat agung secara maya dan hibrid.

Hakikatnya, tinjauan yang dilakukan oleh SC mendedahkan bahawa mesyuarat agung secara maya dan hibrid dipersetujui oleh para pelabur daripada pelbagai peringkat umur dengan tahap penglibatan positif ketika mesyuarat diadakan.

Melangkah ke hadapan, SC menyatakan ia akan terus mendorong penggunaan alatan digital bagi menggalakkan penglibatan yang bermakna antara lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham pada mesyuarat agung.

Dalam hal ini, pengawal atur pasaran berharap supaya komunikasi antara pihak berkepentingan dapat diperkukuh melalui platform dan alatan digital dan menjalinkan kolaborasi yang lebih baik untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham yang efektif. Pada masa yang sama melibatkan para belia dengan topik dan isu berkaitan Tadbir Urus Korporat (CG).

"Peningkatan dalam aktivisme dan sokongan pelabur, khususnya dalam kalangan pelabur runcit, disokong oleh galakan kepada ketelusan melalui pendedahan dan pendidikan pelabur," tambah CMP3.

"Dalam konteks ini, SC terus menggalakkan pendedahan yang tepat dan berkesan oleh peserta pasaran bagi membolehkan pelabur membuat keputusan yang berdasarkan fakta."

Pendidikan pelabur juga akan tetap diutamakan oleh SC. Dalam tempoh beberapa tahun akan datang, SC akan terus melaksanakan inisiatif di bawah Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan bersama-sama Bank Negara Malaysia (BNM) dan anggota lain daripada Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) bagi meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia serta menggalakkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab.

Peraturan berasaskan prinsip

Dalam tempoh lima tahun akan datang, SC komited untuk menerapkan peraturan berasaskan prinsip dengan lebih meluas, mengikut keperluan. Ini memerlukan kajian peraturan dibuat secara holistik, membuat peruntukan kepada peraturan yang berasaskan prinsip dan menggantikan peraturan preskriptif jika bersesuaian.

Peraturan berdasarkan prinsip memerlukan sesebuah entiti yang dikawal selia menerapkan pendekatan strategik terhadap peraturan ini. Ia memerlukan penglibatan yang tinggi daripada pihak pengurusan kanan untuk terus menambah baik amalan mereka serta memberikan keupayaan yang lebih besar kepada pasukan dalaman untuk menggunakan pertimbangan apabila mentafsirkan sesuatu prinsip.

Ini memerlukan penglibatan daripada pasukan pengurusan kanan yang akan menjadi faktor penting untuk membantu sesebuah entiti yang dikawal selia memahami jangkaan SC dan mewujudkan pemahaman bersama mengenai jenis dan tahap tingkah laku yang dikehendaki oleh prinsip tersebut.

Apabila pendekatan pengawalseliaan SC beralih kepada penerapan peraturan dan kawalan sendiri berasaskan prinsip, terdapat keperluan ketelusan ke atas jangkaan SC terhadap perantara dan anggota masyarakat secara umum di seluruh tindakan penguatkuasaan, pengawasan dan penyeliaan.

Menurut CMP3, SC komited untuk mempertingkatkan ketelusan pendekatan pengawalseliaan dan menganjurkan komunikasi berkaitan jangkaan pengawalseliaan secara berkala.

Pendedahan yang lebih meluas berkaitan prinsip, pendekatan, objektif, keutamaan dan dimensi utama rangka kerja membuat keputusan akan memberikan entiti yang dikawal atur pemahaman yang lebih jelas tentang jangkaan pengawalseliaan. Ini juga akan menyediakan syarikat dengan petunjuk dan pemahaman yang lebih jelas tentang tindakan dan perubahan dalam pengawalseliaan.

Meningkatkan perlindungan pelabur

Ketika pasaran modal bergerak maju seiring dengan teknologi baharu dan semakin kompleks, pengawal selia di seluruh dunia telah mula memfokuskan terhadap kesan perubahan tersebut kepada para pelabur, terutama apabila ia mewujudkan kerentanan terhadap penipuan dan bahaya.

Pelabur yang lebih berusia khususnya menghadapi risiko yang lebih besar untuk menjadi mangsa penipuan, diberikan maklumat yang salah atau diambil kesempatan. Melangkah ke hadapan, CMP3 mengenal pasti perlunya meningkatkan pendekatan

pengawalseliaan untuk menyantuni para pelabur yang termasuk dalam golongan pelabur rentan, terutama pelabur senior.

Perlindungan ini menjadi lebih penting kerana penduduk Malaysia semakin berusia dan lebih ramai rakyat Malaysia dijangka perlu membuat keputusan berkaitan simpanan persaraan mereka, sama ada melabur atau mengeluarkan simpanan sewaktu persaraan.

Dalam fungsi penyeliaan dan penguatkuasaan SC, fokus akan ditujukan kepada pengesanan awal dan tindakan terhadap salah laku yang berkaitan pelabur rentan. Tindakan untuk mencegah salah laku menggunakan pelbagai alatan statutori yang direka untuk melindungi pelabur akan dipertimbangkan pada peringkat awal.

Kerjasama industri yang menjadi tonggak kepada jangkauan pengawalseliaan SC akan terus diutamakan selain membangunkan amalan terbaik untuk membentuk tingkah laku dalam kalangan pemain pasaran.

Ini termasuklah penggunaan platform media sosial secara lebih meluas bagi memberi amaran kepada pelabur rentan tentang ancaman penipuan atau aktiviti tidak berlesen dan meningkatkan program khidmat masyarakat kepada pelabur agar lebih disasarkan kepada pelabur berusia dan pelabur di luar bandar.

Tambahan pula, SC juga telah meningkatkan fokus penguatkuasaannya untuk merangkumi penipuan sekuriti, salah laku korporat, pelanggaran pendedahan dan manipulasi pasaran.

Sejajar dengan itu, Lembaga Pemantauan Audit (AOB) juga telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dengan mengenakan sekatan kepada juruaudit bagi mencegah ketidakpatuhan terhadap piawaian dan prosedur audit bagi mengurangkan risiko kegagalan audit pada masa hadapan.

Tindakan penguatkuasaan ini selaras dengan keutamaan yang diberikan oleh SC terhadap Tadbir Urus Korporat, tingkah laku pasaran dan perlindungan pelabur - terutama menentang penipuan dan pemalsuan yang semakin banyak berpunca daripada lanskap digital.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 27 September hingga 1 Oktober 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
------------------------	-----------------	-------------------------

27.09.21 (Isnin) 11.00 pagi	George Kent (Malaysia) Bhd (AGM)	George Kent mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM48.74 juta pada tempoh kewangan 2021 (tahun kewangan 14 bulan) berbanding RM41.6 juta pada tahun kewangan 2020. Lembaran imbangan terus sihat, dengan kedudukan tunai bersih RM120.70 juta pada akhir tempoh.
28.09.21 (Selasa) 10.00 pagi	Solid Automotive Bhd (AGM)	Pendapatan Solid Automotive meningkat 26% tahun ke tahun kepada RM304.2 juta (tahun kewangan 2020: RM241.38 juta). Keuntungan sebelum cukainya lebih tinggi iaitu RM17.3 juta berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM5.43 juta pada tahun kewangan 2020. Ini terutamanya disebabkan oleh aliran masuk pesanan yang terkumpul apabila kerajaan Malaysia mula melonggarkan sekatan akibat COVID-19 secara beransur-ansur. Walaupun persekitaran ekonomi kian mencabar dalam pasaran Malaysia dan luar negara, ia akan terus mengembangkan rangkaian produknya secara aktif serta menggandakan usaha untuk menambah baik pengurusan rantaian bekalan, produktiviti dan pengurusan kos.
28.09.21 (Selasa) 10.00 pagi	ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	Pendapatan ES Ceramics yang berjumlah RM93 juta pada tahun kewangan 2021, adalah 163.68% lebih tinggi daripada tahun kewangan 2020 (RM35 juta) berikutan jumlah jualan yang lebih tinggi. Keuntungan bersih melonjak 1,223.59% kepada RM30.19 juta, berbanding RM2.28 juta pada tahun kewangan 2020. Selain itu, margin untung kasarnya turut meningkat dengan ketara kepada 49% pada tahun

		<p>keuangan 2021 daripada 19.8% pada tahun kewangan 2020.</p>
<p>28.09.21 (Selasa) 10.30 pagi</p>	<p>Jasa Kita Bhd (AGM)</p>	<p>Jasa Kita telah mengalami kerugian sepanjang lima tahun kewangan sejak tahun kewangan 2017. Oleh itu, pemegang saham juga tidak menerima dividen daripada Syarikat sejak tahun kewangan 2018.</p> <p>Untuk tahun kewangan 2021, pendapatannya menyusut kepada RM20.1 juta daripada RM31.7 juta pada tahun kewangan 2020 manakala kerugian bersih merudum kepada RM614,000 daripada RM3.9 juta pada tahun sebelumnya.</p>
<p>28.09.21 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Lay Hong Bhd (AGM)</p>	<p>Lay Hong menyaksikan peningkatan pendapatan 10% tahun ke tahun kepada RM923.7 juta (2020: RM839.7 juta), didorong oleh jualan yang lebih tinggi dalam segmen pembuatan makanan dan perniagaan runcit disebabkan orang lebih banyak duduk di rumah serta kebimbangan kekurangan makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukainya mencatatkan penurunan marginal 5.99% kepada RM5.2 juta (2020: RM5.6 juta) disebabkan kenaikan kos pakan iaitu elemen kos yang penting bagi Kumpulan. Ia juga mencatatkan penyelarasan nilai saksama negatif daripada penilaian semula aset biologi pada tahun tersebut.</p>
<p>28.09.21 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Bintai Kinden Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Bintai Kinden mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM6.92 juta untuk tahun kewangan 2021</p>

		<p>berbanding keuntungan sebelum cukai RM0.11 juta setahun yang lalu. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 dan kelembapan dalam segmen kejuruteraan mekanikal dan elektrik (M&E).</p> <p>Walaupun berdepan pelbagai cabaran, Kumpulan akan terus menumpukan perhatian terhadap perniagaan utamanya dalam M&E dan berusaha mendapatkan lebih banyak peluang dan projek berulang di Malaysia. Pada masa yang sama, Kumpulan juga berusaha untuk mempelbagaikan aliran pendapatannya dengan memperoleh perniagaan penjagaan kesihatan.</p>
28.09.21 (Selasa) 01.00 tengah hari	Oversea Enterprise Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Oversea merosot sejak tahun kewangan 2017 dan menyebabkan Syarikat melaporkan kerugian sepanjang tahun-tahun ini.</p> <p>Syarikat mencatatkan pendapatan berjumlah RM23.4 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM51.8 juta pada tahun kewangan 2020. Kerugian bersih meningkat kepada RM7.7 juta pada tahun kewangan 2021, daripada RM5.5 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Sejak beberapa bulan yang lepas, Syarikat telah melaksanakan beberapa pusingan urusan pengumpulan dana termasuk dua tawaran persendirian dan satu terbitan hak untuk mengumpulkan dana.</p>
28.09.21 (Selasa) 02.00 petang	SCGM Bhd (AGM)	Keuntungan bersih SCGM meningkat hampir sekali

		<p>ganda kepada RM33.6 juta daripada RM17.28 juta pada tahun sebelumnya, berikutan peningkatan 17.11% dalam pendapatan, yang berjumlah RM246.05 juta. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk produk pembungkusan makanan dan minuman. Melangkah ke hadapan, pihak Syarikat mengharapkan permintaan pasaran terhadap produknya disokong oleh sentimen pengguna yang masih belum bersedia untuk makan di luar sewaktu pandemik COVID-19.</p>
29.09.21 (Rabu) 11.30 pagi	Talam Transform Bhd (AGM)	<p>Keuntungan kasar Talam meningkat kepada RM10.27 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM5.85 juta pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, ia mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM30.90 juta, iaitu penurunan sebanyak RM32.66 juta daripada keuntungan bersih RM1.76 juta pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Nisbah penggearannya meningkat sedikit daripada 0.20 kali kepada 0.25 kali pada tahun kewangan 2021.</p>
29.09.21 (Rabu) 01.00 tengah hari	AT Systemization Bhd (AGM)	<p>AT telah mengalami kerugian dalam lima tahun kewangan sebelum ini. Walaupun pendapatan lebih tinggi dicatatkan pada tahun kewangan 2021, kerugian sebelum cukainya meningkat kepada RM20.61 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM15.38 juta pada tahun kewangan 2020, disebabkan oleh kerugian nilai pada pasaran semasa ke atas pelaburan dalam saham disebut harga dan pelarasan</p>

		<p>nilai saksama ke atas opsyen saham.</p> <p>Ia mula melihat perubahan pada suku tahun keempat tahun kewangan 2021 apabila mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.72 juta dalam tempoh tersebut.</p>
29.09.21 (Rabu) 02.00 petang	Opcom Holdings Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Opcom untuk tahun kewangan 2021 meningkat 50.5% kepada RM67.0 juta daripada RM44.5 juta pada tahun kewangan 2020. Oleh yang demikian, Syarikat melaporkan keuntungan bersih RM3.2 juta berbanding kerugian bersih RM9.9 juta pada tahun sebelumnya. Pemulihan prestasi ini disebabkan oleh keuntungan operasi yang lebih baik daripada perniagaan pembuatan kabel gentian optik dan segmen perkhidmatan kejuruteraan.</p>
29.09.21 (Rabu) 03.00 petang	SKP Resources Bhd (AGM)	<p>Pendapatan SKP mencatatkan peningkatan 23% kepada RM2.25 bilion pada tahun kewangan 2021 berbanding RM1.83 bilion pada tahun sebelumnya. Selain itu, keuntungan selepas cukainya meningkat 85% tahun ke tahun kepada RM133.24 juta daripada RM72.14 juta pada tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan penggunaan kapasiti dan pelancaran beberapa produk baharu pada tahun tersebut.</p> <p>Walau bagaimanapun, ia mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan yang mungkin timbul daripada 1 (2020: 1) pelanggan yang menyumbang 76% (2020: 78%) daripada jumlah penghutang perdagangan.</p>

<p>29.09.21 (Rabu) 03.00 petang</p>	<p>Omesti Bhd (AGM)</p>	<p>Pendapatan Omesti menyusut 8% tahun ke tahun kepada RM235.2 juta (2020: RM255.6 juta) disebabkan oleh pemenuhan pesanan yang lebih rendah. Keuntungan sebelum cukainya merudum dengan ketara kepada RM6.4 juta daripada RM33.4 juta pada tahun sebelumnya disebabkan oleh pengiktirafan keuntungan atas pelupusan sekali sahaja pada tahun kewangan sebelum ini berjumlah RM24.62 juta.</p> <p>Melihat dari sudut operasi, pemenuhan pesanan yang lebih rendah pada tahun ini turut memberi kesan kepada prestasi kewangannya. Kumpulan tetap optimis terhadap prospek industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan adanya penyelesaian transformasi digital baharu yang dibangunkan oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2021. Ia menyediakan potensi yang besar kepada Kumpulan untuk menjadi rakan transformasi dan inovasi utama untuk semua pelanggannya.</p>
<p>30.09.21 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Solarvest Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Prospek industri fotovolta solar tempatan kekal cerah seiring peningkatan dalam permintaan tenaga suria yang terbit daripada usaha alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang dilaksanakan oleh perniagaan lain. Oleh itu, Solarvest sebagai satu daripada pakar dan perintis fotovolta solar dijangka akan menerajui pertumbuhan ini.</p> <p>Kumpulan menjangkakan kemasukan projek baharu yang lebih tinggi daripada segmen komersial dan industri.</p>

		Sebagai tambahan, baru-baru ini Kumpulan berjaya membida untuk mendapatkan tender dalam program LSS@MEnTARI untuk memiliki, mengendali dan menyelenggarakan loji solar 50MW. Ini akan menyediakan pendapatan berulang yang stabil kepada Kumpulan dalam jangka masa panjang.
30.09.21 (Khamis) 10.00 pagi	MMC Corporation Bhd (EGM)	EGM ini diadakan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi Cadangan Pelaksanaan Pengurangan Modal Terpilih dan Pembayaran Balik bagi MMC Corporation Berhad menurut Seksyen 116, Akta Syarikat 2016.
30.09.21 (Khamis) 10.30 pagi	Magni-Tech Industries Bhd (AGM)	Syarikat berjaya menangani kesan pandemik dengan kenaikan marginal dalam keuntungan bersih bagi tahun kewangan berakhir 2021. Namun demikian, adalah diingatkan bahawa Kerajaan semakin tegas dalam pengambilan pekerja asing. Syarikat perlu mencari ikhtiar misalnya dengan cara mengautomasikan sesetengah proses pembuatannya bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.
30.09.21 (Khamis) 10.30 pagi	Computer Forms (Malaysia) Bhd (AGM)	Walaupun permintaan pasaran semakin berkurangan terhadap perkhidmatan percetakan borang-borang perniagaan, cek dan penyata kertas, Computer Forms bertegas untuk kekal fokus dalam perniagaan teras ini. Namun, keputusan Syarikat untuk menumpukan perhatian kepada perniagaan sedia ada mungkin tidak dapat memberikan nilai kepada para pemegang saham dalam jangka panjang.

30.09.21 (Khamis) 10.30 pagi	CAB Cakaran Corporation Bhd (EGM)	EGM ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pemerolehan 51% kepentingan ekuiti dalam Benarlab Sdn Bhd dengan harga RM3.3 juta. Ia akan dipenuhi sepenuhnya melalui penerbitan 7.5 juta saham baharu dalam CAB pada harga 44 sen sesaham.
30.09.21 (Khamis) 10.30 pagi	Ekovest Bhd (EGM)	<p>Syarikat berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pemberian bantuan kewangan kepada MCC Land (TMK) Pte. Ltd., sebuah syarikat usaha sama 29% milik Ekovest Development (S) Pte. Ltd. (EDSPL). EDSPL adalah anak syarikat milik penuh Ekovest.</p> <p>Anggaran jumlah kuantum Cadangan Pemberian Bantuan Kewangan di bawah Surat Ikatan Aku Janji Ekovest Berhad adalah sehingga S\$77.28 juta (atau bersamaan RM240.34 juta).</p>
30.09.21 (Khamis) 11.00 pagi	Lingkaran Trans Kota Holdings Bhd (AGM)	<p>Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun kewangan 2021 telah menyebabkan penurunan ketara dalam jumlah purata trafik yang dikenakan tol pada hari bekerja di Lebuhraya Damansara Puchong. Disebabkan itu, pendapatan Kumpulan LITRAK merosot 22.0% daripada RM503.8 juta kepada RM392.8 juta pada tahun kewangan 2021 manakala keuntungan bagi tahun menyusut 21.4% kepada RM205.8 juta berbanding RM261.9 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Sementara menunggu Kerajaan menarik balik</p>

		<p>sepenuhnya arahan PKP, pemulihan ekonomi dalam waktu terdekat mungkin lembab dan tidak seragam. Namun, keberuntungan Kumpulan pada masa hadapan dijangka dapat berdaya tahan.</p>
30.09.21 (Khamis) 02.30 petang	Esthetics International Group Bhd (AGM)	<p>Syarikat terjejas teruk akibat wabak COVID-19 berikutan segmen kecantikan dan kesihatannya tidak dapat beroperasi sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.</p> <p>Penggunaan telepemasaran untuk memasarkan produknya membawa kesan positif terhadap prestasi Syarikat dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat menjangkakan perubahan selepas pandemik COVID-19 mulai reda dan pengguna bertambah yakin untuk mengunjungi pusat kecantikan dan kesihatan.</p>
30.09.21 (Khamis) 03.00 petang	Kanger International Bhd (AGM)	<p>Tahun kewangan 2022 akan menunjukkan sama ada penyertaan Kanger ke dalam segmen pembinaan membuahkan hasil. Permulaan yang baik pada tahun kewangan 2021 apabila Syarikat berjaya mengembangkan pesanan tempahan untuk segmen pembinaannya kepada RM1 bilion. Kilang Jianzhou juga sudah mula beroperasi pada tahun kewangan 2021 dan seharusnya dapat memberikan sumbangan positif terhadap keuntungan Syarikat pada tahun kewangan 2022.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diketengahkan
----------	----------------------------------

George Kent (Malaysia) Bhd (AGM)	<p><u>Projek sedang berjalan</u></p> <p>(a) Adakah tahap kemajuan projek Transit Aliran Ringan Laluan 3, kerja-kerja pembinaan Hospital dan pembinaan Kilang Pembuatan Sarung Tangan? Adakah projek-projek Kumpulan ini berjalan mengikut jadual?</p> <p>(b) Adakah mana-mana projek di atas menghadapi kesukaran? Sekiranya ada, apakah strategi Kumpulan untuk menangani kesulitan ini?</p>
Solid Automotive Bhd (AGM)	<p>1. Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan pada akhir tahun kewangan meningkat kepada RM42.3 juta (tahun kewangan 2020: RM16.2 juta), sebahagiannya disumbangkan oleh terimaan daripada pelaksanaan waran yang berjumlah RM25.8 juta (tahun kewangan 2020: RM0.9 juta) (halaman 55, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Memandangkan baki tunai Kumpulan meningkat dengan ketara, apakah rancangan Lembaga Pengarah untuk memanfaatkan terimaan daripada pelaksanaan waran ini? Adakah Kumpulan merancang untuk meluaskan perniagaan ke luar negara?</p> <p>2. Jaminan produk yang dituntut dan digunakan pada tahun kewangan meningkat dengan ketara kepada RM4.6 juta (tahun kewangan 2020: RM1.8 juta) (Nota 29, halaman 85, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah yang menyebabkan pertambahan mendadak? Produk manakah yang berkaitan dengan jaminan ini?</p>
ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	<p>Kos yang dikeluarkan untuk membayar pihak luar bagi menyenggara fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2021 adalah RM7,500 (Halaman 30, Laporan Tahunan). Kos untuk tahun kewangan 2020 berjumlah RM22,150.</p> <p>MSWG telah membangkitkan persoalan ini pada tahun sebelumnya. Dengan kos yang begitu rendah (kira-kira RM1,800 sebulan), bagaimanakah Jawatankuasa Audit meyakinkan dirinya bahawa liputan audit sudah mencukupi serta tahap keberkesanan fungsi audit? Situasi semasa bertambah serius kerana kos audit semakin menyusut iaitu RM7,500.</p>

	Sila jelaskan.
Jasa Kita Bhd (AGM)	<p>Dalam lima tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan mengalami kerugian selepas cukai yang boleh diagihkan kepada Pemilik Syarikat. Sehubungan itu, selain tahun kewangan 2017, pemegang saham tidak menerima dividen dalam empat tahun kewangan sebelum ini. (Halaman 11, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah yang menyebabkan Kumpulan berterusan mengalami kerugian? Bilakah ia dijangka dapat menjana keuntungan dan mengisytiharkan dividen?</p>
Lay Hong Bhd (AGM)	<p>1. Pada tahun kewangan 2021, Kumpulan mengeluarkan sejumlah 40.29 juta kilogram ("kg") ayam pedaging (2020: 45.51 juta kg) disebabkan produktiviti yang rendah di beberapa ladang lama di Tanjong Karang, Selangor dan Kampong Serusup di Kota Kinabalu, Sabah. Oleh yang demikian, jualan mencatatkan penurunan 5.07% atau RM10.26 juta iaitun daripada RM202.36 juta kepada RM192.10 juta (halaman 8, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Sejauh manakah jualan ayam pedaging akan terjejas pada masa hadapan, jika ladang lama ini beroperasi seperti sedia ada?</p> <p>(b) Apakah perancangan Kumpulan untuk meningkatkan produktiviti? Adakah Kumpulan merancang untuk menaik taraf atau memodenkan ladang lama di Tanjong Karang, Selangor dan Kampong Serusup di Kota Kinabalu, Sabah?</p> <p>2. Kerugian daripada penurunan nilai tanah dan bangunan berjumlah RM1.7 juta (2020: Tiada) (halaman 65, Laporan Tahunan 2021). Tanah dan bangunan manakah yang menyebabkan kerugian penurunan nilai ini? Apakah yang menyebabkan penurunan nilai daripada penilaian semula tanah dan bangunan ini?</p>
Bintai Kinden Corporation Bhd (AGM)	<p>1. Pada 31 Mac 2021, wang tunai dan baki bank Kumpulan berjumlah RM1.9 juta. Hutang perdagangan dan hutang-hutang lain Kumpulan berjumlah RM32.6 juta pada tahun kewangan 2021 (halaman 57 & 58, Laporan Tahunan 2021) manakala kos kewangan berjumlah RM9.6 juta pada tahun kewangan 2021 (Nota 25 kepada Penyata Kewangan, halaman 106, Laporan Tahunan 2021).</p>

	<p>Dengan aliran tunai operasi negatif berjumlah RM20.6 juta, bagaimanakah Kumpulan dapat membuat pembayaran balik pembiayaan dan hutang-hutang lain tepat pada masanya?</p> <p>2. Analisis pengusiaan penghutang perdagangan Kumpulan menunjukkan kesemua kategori penghutang perdagangan yang tertunggak tidak dirosot nilai. Kategori lebih 91 hari yang telah melebihi tempoh tetapi tidak dirosot nilai secara individu meningkat dengan ketara kepada RM19.6 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM1.3 juta) (Nota 30, halaman 112, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Berapakah bahagian daripada penghutang perdagangan yang berjumlah RM19.6 juta ini telah dipungut setakat ini? Apakah usaha pihak pengurusan untuk mengutip semula hutang perdagangan yang masih tertunggak?</p> <p>(b) Adakah kutipan hutang perdagangan Kumpulan lebih perlahan daripada pelanggan dalam perniagaan pembinaan? Apakah profil pelanggan dengan baki hutang yang lama tertunggak?</p> <p>(c) Apakah kebarangkalian berlaku rosot nilai pada tahun semasa memandangkan industri ini terjejas akibat pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0?</p>
Oversea Enterprise Bhd (AGM)	<p>Sejak tahun kewangan 2017 sehingga tahun kewangan 2021, pendapatan Kumpulan terus menyusut dan Kumpulan mengalami kerugian selepas cukai berturut-turut sepanjang empat tahun kewangan terakhir. (Halaman 5, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah perancangan pihak Pengurusan untuk menangani trend pendapatan yang terus menyusut? Bilakah Kumpulan dijangka beroleh keuntungan?</p>
SCGM Bhd (AGM)	<p>Jumlah kos yang dibelanjakan untuk fungsi audit dalam SCGM untuk tahun kewangan 2021 adalah RM30,000.00, sama seperti tahun kewangan sebelum ini (halaman 150, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Dalam tahun kewangan ini, fungsi audit dalam melakukan kajian terhadap Pengurusan Antirasuah dan Penyelewengan, Pengurusan Sistem Maklumat Pengurusan ("MIS") dan Pengurusan Tadbir Urus bagi</p>

	<p>anak-anak syarikat utamanya yang beroperasi di Malaysia.</p> <p>Jika dibandingkan dengan pendapatan dan keuntungan bersih SCGM yang masing-masing berjumlah RM246.05 juta dan RM33.6 juta pada tahun kewangan 2021, bayaran audit dalaman untuk tahun kewangan 2021 adalah agak rendah.</p> <p>(a) Berapakah jumlah ulasan dan laporan yang dikeluarkan oleh Tetuan NeedsBridge Advisory Sdn Bhd berdasarkan aktiviti audit dalaman yang dijalankan sepanjang tahun?</p> <p>(b) Apakah isu yang diketengahkan oleh juruaudit dalaman berhubung ketiga-tiga fungsi tersebut? Adakah isu ini telah diselesaikan? Apakah langkah yang diambil untuk menambah baik fungsi-fungsi ini?</p> <p>(c) Melihat yuran audit dalaman yang rendah (purata RM2,500 sebulan) dan skop kajian audit dalaman yang terhad (hanya merangkumi tiga bidang), bagaimanakah Jawatankuasa Audit meyakinkan diri bahawa juruaudit dalaman mempunyai sumber yang mencukupi bagi memastikan liputan yang mencukupi serta fungsi audit dalaman yang berkesan terutama apabila operasi SCGM kian berkembang pesat dari segi jualan dan skop perniagaan.</p>
<p>Talam Transform Bhd (AGM)</p>	<p>1. Termasuk dalam penghutang perdagangan bukan semasa adalah sejumlah RM25.67 juta (2020: RM23.88 juta) yang akan diterima pada 31 Julai 2023 dan 31 Julai 2025. (Halaman 132, Laporan Tahunan)</p> <p>(a) Mengapakah Syarikat membenarkan tempoh kredit yang panjang iaitu antara 2 hingga 4 tahun untuk menerima amaun tertunggak berjumlah RM25.67 juta?</p> <p>(b) Sila jelaskan butiran penghutang perdagangan bukan semasa yang akan diterima pada masa akan datang.</p> <p>(c) Berapakah jumlah penghutang perdagangan bukan semasa yang perlu dibayar pada 31 Julai 2023 dan 31 Julai 2025?</p> <p>(d) Sejauh mana keyakinan Syarikat dapat mengutip kesemua penghutang perdagangan bukan</p>

	<p>semasa yang berjumlah RM25.67 juta sebelum tarikh akhir?</p> <p>2. Kumpulan telah mengenakan rosot nilai berjumlah RM12.8 juta terhadap Penghutang Lain pada tahun kewangan 2021 berbanding RM1.9 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 133, Laporan Tahunan)</p> <p>(a) Sila berikan butiran kerugian rosot nilai bagi Penghutang Lain pada tahun kewangan 2021?</p> <p>(b) Apakah yang menyebabkan pertambahan kerugian rosot nilai bagi Penghutang Lain pada tahun kewangan 2021?</p> <p>(c) Adakah kemungkinan rosot nilai ini dapat ditarik balik pada masa hadapan?</p>
AT Systemization Bhd (AGM)	<p>Pada penghujung tahun kewangan 2021, terdapat kerugian rosot nilai terkumpul yang besar berjumlah RM8.2 juta. Ini merupakan 97.6% daripada penghutang lain yang berjumlah RM8.4 juta, yang terhutang daripada pihak ketiga. (Halaman 121, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah yang terkandung dalam penghutang lain yang dirosot nilai? Mengapakah jumlah yang besar itu dirosot nilai dan apakah kemungkinan jumlah ini dapat dikutip semula?</p>
Opcom Holdings Bhd (AGM)	<p>Pendapatan kumpulan melonjak 50.5% daripada RM44.5 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM67.0 juta pada tahun kewangan 2021 manakala kos penjualan meningkat 22.8% daripada RM43.0 juta kepada RM52.8 juta. Ini menyebabkan peningkatan ketara dalam margin keuntungan kasar iaitu daripada 3.3% pada tahun kewangan 2020 kepada 21.2% pada tahun kewangan 2021. (Halaman 60, Laporan Tahunan)</p> <p>Lonjakan yang besar dalam margin keuntungan kasar bukan hanya disebabkan oleh peningkatan pendapatan yang signifikan tetapi juga peningkatan kos penjualan yang jauh lebih rendah berbanding kadar peningkatan pendapatan.</p> <p>Adakah senario yang menguntungkan ini dapat dikekalkan pada tahun kewangan 2022 dan tahun-tahun seterusnya?</p>
SKP Resources Bhd (AGM)	<p>1. Di bawah Pendapatan Lain untuk tahun kewangan 2021, terdapat subsidi Kerajaan berjumlah RM3.372</p>

	<p>juta. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2020. (Halaman 91, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah terma dan syarat yang dikenakan ke atas pemberian subsidi Kerajaan? Adakah ia sekali beri atau akan diberikan secara berkala?</p> <p>2. Pada tahun kewangan 2021, terdapat peruntukan berjumlah RM9.447 juta untuk inventori usang dan yang bergerak perlahan. (Halaman 92, Laporan Tahunan)</p> <p>Mengapakah peruntukan besar seperti itu muncul pada tahun kewangan 2021 sedangkan ia tiada pada tahun kewangan 2020? Bukankah ini memerlukan kajian semula terhadap sistem pengurusan inventori bagi mengurangkan risiko tersebut? Adakah inventori ini boleh dijual semula? Berapakah anggaran nilai pemulihan, jika ada?</p>
Omesti Bhd (AGM)	<p>Pandemik yang berlaku di peringkat global menyebabkan banyak organisasi mengambil langkah penjimatan tunai yang ketat. Ini menyebabkan penangguhan dan/atau penenderan semula beberapa projek utama dalam prospek perancangan Kumpulan (halaman 9, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Berapakah jumlah projek Kumpulan yang terpaksa ditangguhkan dan yang memerlukan penenderan semula?</p> <p>(b) Berapakah jumlah pesanan Kumpulan yang masih tertunggak? Berapa lamakah projek semasa yang sudah dirancang dijangka dapat bertahan?</p>
Solarvest Holdings Bhd (AGM)	<p>Analisis pengusiaan penghutang perdagangan Kumpulan menunjukkan semua kategori yang sudah melebihi tempoh dan kerugian rosot nilai. Kategori yang melebihi tempoh 60 hari meningkat dengan ketara kepada RM11.5 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM5.9 juta). Pada tahun kewangan 2021, hutang tertunggak berjumlah RM182,008 telah dirosot nilai (Nota 36, halaman 164, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Daripada RM11.5 juta, berapakah jumlah penghutang perdagangan yang berjaya dikutip setakat ini? Apakah usaha pihak pengurusan untuk mengutip hutang perdagangan yang lama tertunggak?</p>

	<p>(b) Adakah Kumpulan mengalami kesukaran untuk mengutip hutang perdagangan daripada pelanggannya? Berapa banyakkah hutang tertunggak yang dirosot nilai ini berpunca daripada lima pelanggan utama Kumpulan (yang merangkumi 52% daripada jumlah penghutang perdagangan Kumpulan pada tahun kewangan 2021)?</p> <p>(c) Apakah kebarangkalian rosot nilai pada tahun semasa memandangkan perniagaan terkesan akibat pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0?</p>
<p>Magni-Tech Industries Bhd (AGM)</p>	<p>1. Segmen Pakaian (yang dieksport sepenuhnya) adalah penyumbang utama pendapatan dan keuntungan operasi kepada Syarikat dengan sumbangan 91.7% dan 94.5% daripada jumlah keseluruhan. Syarikat menyatakan risiko tumpuan pelanggannya sebagai risiko utama. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Berapakah peratusan jualan kepada tiga pelanggan terbesar Syarikat?</p> <p>(b) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk mengurangkan risiko tumpuan pelanggannya?</p> <p>2. Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat pengambilan pekerja asing baru-baru ini.</p> <p>(a) Berapakah jumlah terkini pekerja asing dalam Syarikat dan berapakah nisbah pekerja asing berbanding pekerja tempatan?</p> <p>(b) Adakah Syarikat merancang untuk meningkatkan automasi dalam proses pembuatannya berikutan terdapat kekurangan pekerja pengeluaran di negara ini?</p>
<p>Computer Forms (Malaysia) Bhd (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2021, CFM hanya mengadakan dua mesyuarat Lembaga yang dihadiri oleh semua lembaga pengarah (halaman 31, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Walaupun undang-undang tidak menetapkan jumlah minimum mesyuarat lembaga dalam setahun, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia menetapkan bahawa 'demi kepentingan syarikat, lembaga pengarah perlu mengadakan mesyuarat secara berkala (iaitu, sekurang-</p>

	<p>kurangnya lima mesyuarat, jika tidak lebih kerap seperti yang diperlukan mengikut keadaan)'. Adakah dua mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun mencukupi bagi Lembaga Pengarah untuk mengadakan perbincangan yang bertenaga dan bermakna yang berkaitan strategi dan hala tuju perniagaan CFM? (b) Adakah ini bermakna sebahagian daripada empat keputusan kewangan suku tahunan tidak dibentangkan di peringkat Lembaga untuk kelulusan? Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Audit bermesyuarat empat kali pada tahun kewangan 2021.</p>
<p>Ekovest Bhd (baharu) (EGM)</p>	<p><u>Risiko ingkar oleh MCC Land (TMK)</u> Surat Ikatan Aku Janji Ekovest Berhad (EB) boleh dipanggil atau dituntut oleh institusi kewangan yang tersebut, dalam kejadian apa-apa keingkaran oleh MCC Land (TMK) yang berkenaan dengan Kemudahan Perbankan, yang akibatnya, EB akan dikehendaki untuk memenuhi obligasinya di bawah surat ikatan aku janji EB. Ini mungkin menjejaskan kedudukan kewangan Kumpulan EB (Halaman 10, Pekeliling). Oleh yang demikian, Kumpulan akan terus memantau kemajuan TMK Development dan aliran tunai MCC Land (TMK) bagi memastikan ia dapat memenuhi obligasinya terhadap institusi kewangan yang dimaksudkan. (a) Bagaimanakah EDSPL akan memantau kemajuan TMK Development dan aliran tunai MCC Land (LMK) bagi meminimumkan risiko mungkir oleh MCC Land (TMK)? (b) Selain melalui wakil lembaga pengarah, sejauh manakah keterlibatan EDSPL dalam operasi dan pengurusan projek? (c) Jika surat ikatan itu dipanggil, apakah EB dapat memenuhi obligasinya seperti dalam surat ikatan tersebut, dengan kedudukan kewangannya sekarang?</p>
<p>Lingkar Trans Kota Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Penghutang lain - tuntutan pampasan yang belum terima daripada Kerajaan berjumlah RM77.7 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM119.1 juta) (Nota 17 kepada Penyata Kewangan, halaman 92, Laporan Tahunan 2021). Penerimaan pampasan tol yang tepat pada masanya amat penting bagi mengurus kedudukan kecairan kewangan Kumpulan</p>

	<p>serta mengurangkan risiko pelanggaran perjanjian pinjaman syarikat konsesi masing-masing (halaman 19, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Apakah status terkini pembayaran pampasan daripada Kerajaan Malaysia untuk tahun 2020 dan 2021? Memandangkan terdapat perubahan Kerajaan pada bulan Ogos 2021, adakah Syarikat menjangkakan kelewatan dalam penerimaan tuntutan pampasan tol?</p> <p>(b) Syarikat konsesi (Lingkar Trans Kota Sdn Bhd) adalah dibatasi oleh perjanjian Program Sukuk Musyarakah seperti nisbah liputan perkhidmatan kewangan (FSCR) dan mengekalkan nisbah hutang kepada ekuiti seperti yang ditetapkan (Nota 37 kepada Penyata Kewangan, halaman 115, Laporan Tahunan 2021). Adakah kelewatan dalam penerimaan tuntutan pampasan akan mempengaruhi aliran tunai syarikat konsesi yang seterusnya akan menjejaskan pembahagian kepada pemegang saham? Bagaimanakah prospek dividen pada tahun 2022?</p>
<p>Esthetics International Group Bhd (AGM)</p>	<p>Pengedaran Produk mencatatkan pendapatan berjumlah RM48.6 juta untuk tahun kewangan 2021, 28.8% lebih rendah berbanding tahun kewangan 2020. Segmen ini melaporkan kerugian operasi berjumlah RM3.9 juta berbanding kerugian operasi RM1.5 juta pada tahun kewangan 2020 (Halaman 17, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk menambah baik prestasi kewangan segmen Pengedaran Produknya?</p>
<p>Kanger International Bhd (AGM)</p>	<p>1. Perbelanjaan Pentadbiran Syarikat meningkat secara mendadak daripada RM7.5 juta pada tahun sebelumnya kepada RM25.3 juta pada tempoh kewangan berakhir 2021. (Halaman 74, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam Perbelanjaan Pentadbiran?</p> <p>2. Perbelanjaan Operasi Lain turut melonjak daripada RM83 pada tahun sebelumnya kepada RM67.2 juta pada tempoh kewangan berakhir 2021. (Halaman 74, Laporan Tahunan 2021)</p>

	Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam Perbelanjaan Operasi Lain?
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.